



Joanne (dua, kiri) ketika menyampaikan kad Kempinski Discovery Platinum kepada semua pembeli unit 'YOO8 serviced by Kempinski'.

KSK Land perkenal kad platinum

KSK Land Sdn Bhd (KSK Land), pemaju projek pembangunan mewah bersepadu 8 Conlay, melancarkan kad Kempinski Discovery Platinum, khas untuk semua pemilik kediaman 'YOO8 serviced by Kempinski, sempena sambutan ulang tahun Kempinski ke-120.

'YOO8 serviced by Kempinski' merupakan kediaman di bawah komponen pembangunan 8 Conlay, melibatkan nilai pembangunan kasar RM5.4 bilion.

Pengarah Urusannya, Joanne Kua berkata, pelancaran kad itu adalah sebagai tanda penghargaan atas kepercayaan dan sokongan semua pembeli dan pelabur dalam pembangunan 8 Conlay.

"Kami akan terus melibatkan

diri dengan pembeli, sebagai mempamerkan komitmen kami untuk merealisasikan cita-cita mereka memiliki rumah, bukan sahaja dengan tandatangan, tetapi juga menyediakan ruang yang unik untuk mereka untuk memberitahu cerita mereka," katanya.

Joanne berkata, setiap pemilik 'YOO8 by Kempinski' akan menerima kad Kempinski Discovery Platinum untuk menikmati manfaat tambahan di semua Hotel Kempinski di seluruh dunia.

"Dengan keahlian platinum, pemegang kad itu diberi keutamaan, dengan ketersediaan bilik yang terjamin, daftar keluar lambat dan faedah dalam bilik.

"Pemegang kad juga berpeluang

menerima penginapan percuma tiga malam dan akses awam untuk pra pakej Kempinski," katanya.

Projek pembangunan 8 Conlay dijangka siap pada 2020, yang terdiri daripada dua menara kediaman yang dipanggil 'YOO8 serviced by Kempinski', Kempinski Hotel Kuala Lumpur bertaraf lima bintang dan komponen runcit inovatif, di lokasi strategik di Jalan Conlay, Kuala Lumpur.

Kempinski akan menguruskan hospitaliti untuk menara kediaman, menyediakan penduduk dengan perkhidmatan hotel seperti khidmat mengemas dan kerja-kerja umum.

Selain suite, Kempinski juga akan mengendalikan dan menguruskan Kempinski Hotel Kuala Lumpur.